

## SEJARAH DIALOG ANTARA AGAMA DI MALAYSIA (A History of Interfaith Dialogue in Malaysia)

<sup>1,3</sup> AHMAD FAIZUDDIN RAMLI\*

<sup>1,2</sup> JAFFARY AWANG

<sup>1</sup> Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>3</sup> Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Nilai University.  
No 1, Persiaran Universiti, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

---

### ABSTRAK

Pembudayaan amalan dialog antara agama dalam tamadun Alam Melayu bermula sejak kurun ke-2 dan menjadi signifikan pada kurun ke-15 melalui aktiviti perdagangan yang menghasilkan interaksi antara masyarakat. Pada peringkat awal, amalan dialog yang berlangsung adalah berbentuk Dialog Kehidupan dan pembudayaannya masih berlangsung hingga ke hari ini dalam pelbagai bentuk. Justeru, artikel ini membincangkan sejarah amalan dialog antara agama di Malaysia. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan pendekatan sejarah. Dapatan mendapati bahawa amalan dialog di Malaysia telah bermula sejak kurun ke-18 melalui aktiviti perdagangan dan harian masyarakat. Ketika ini bentuk amalan dialog bersifat tidak formal. Manakala pasca kemerdekaan, amalan dialog yang dibudayakan dalam bentuk yang lebih formal melalui penubuhan *Pure Life Society*, terkubur rentetan Peristiwa 13 Mei 1969. Usaha untuk membudayakan amalan dialog kembali aktif khususnya pasca 1970 oleh beberapa NGO sebagai tindak balas daripada gelombang Islamisasi yang melanda negara ini.

**Kata kunci:** Dialog antara agama; sejarah dialog Malaysia; interaksi agama; toleransi agama; pluralisme agama

---

\*Corresponding author: Ahmad Faizuddin Ramli, Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia/Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Nilai University, No 1, Persiaran Universiti, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, mel-e: ahmadfaizuddin@outlook.com.

Diserahkan: 13 Januari 2017

Diterima: 3 Januari 2018

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2018-1002-03>

## **ABSTRACT**

*The enculturation of inter-religious dialogue in the Malay civilization began in the 2nd century and became significant in the 15th century through trade activities that promoted interaction among societies. In the initial stage, the first dialogue occurred in the form of Dialogue of Life and the enculturation still ongoing to this day in various forms. Hence, this article discusses the history of inter-religious dialogue practices in Malaysia. The design of this study is qualitative using library research and historical approaches. The findings show that the practice of inter-religious dialogue in Malaysia started in the 18th century, through trade and community daily activities. During this period, the form of dialogue practice is informal, while post-independence, it has been organized informal form through the establishment of the Pure Life Society but was buried in a series of May 13, 1969 tragedy. The initiation to enculture the inter-religious dialogue being actively after the 1970s by certain NGOs in response to the wave of Islamism and Islamic resurgence that occurred in this country.*

**Keywords:** *Interfaith dialogue; history of Malaysia dialogue; religious interaction; religious tolerance; religious pluralism*

## **PENGENALAN**


Dialog antara agama merupakan interaksi antara dua penganut agama atau lebih, untuk membina persefahaman dan hubungan yang harmoni. Amalan dialog terbahagi kepada dua pendekatan iaitu formal dan tidak formal. Pendekatan formal adalah melalui program-program tertentu yang melibatkan pelbagai penganut agama dalam berkongsi pandangan terhadap sesuatu isu. Manakala pendekatan dialog tidak formal merujuk kepada interaksi harian antara penganut agama dalam konteks urusan jual beli, ziarah rumah terbuka, gotong royong dan seumpamanya. Di Malaysia, amalan dialog antara agama bukanlah suatu yang asing dalam kalangan masyarakat kerana perkembangan tamadun Alam Melayu berjalan seiring dengan perkembangan masyarakat khususnya dari sudut agama, sosial, budaya, dan ekonomi. Bahkan sejak dahulu, Malaysia yang merupakan sebahagian daripada kepulauan Alam Melayu terkenal sebagai pusat persinggahan yang mempertemukan para pedagang daripada seluruh pelosok dunia khususnya China, India, Arab dan Parsi. Menurut Lawrence (1999), Selat Melaka bukan sahaja menjadi pusat yang menghubungkan India dan China melalui pelayaran dari Teluk Bengal ke Laut China Selatan. Lazimnya, kapal-kapal yang melintasi teluk Bengal pada musim panas biasanya sampai ke China sebelum kedatangan angin timur laut. Apabila tiba musim sejuk, mereka akan berlabuh di Semenanjung Malaysia sekitar bulan April dan Mei. Justeru semasa

persinggahan, mereka akan memanfaatkan tempoh tersebut untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Hasil interaksi pelbagai pihak yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya telah memantapkan tahap pemikiran masyarakat untuk menerima kepelbagaian dalam membangunkan sebuah tamadun yang gemilang.


Kemuncak kegemilangan tamadun Melayu dimanifestasikan dengan kewujudan Kesultanan Melayu Melaka (1402-1511 M) yang menjadikan Islam sebagai agama utama negara dan berpengaruh di rantau Asia Tenggara (Hussin Mutalib 2010). Hasil pengamalan ajaran Islam yang mapan di segenap sektor pentadbiran, politik, ekonomi dan undang-undang, Melaka semakin dikenali dan menjadi perhatian tamadun besar seperti China seterusnya berjaya membina hubungan diplomatik yang baik pada kurun tersebut. Meskipun Islam menjadi agama utama Kesultanan Melaka ketika ini, masyarakat bukan Islam bebas mengamalkan kepercayaan mereka dengan harmoni. Hubungan ini diperkukuhkan lagi dengan dasar keterbukaan kerajaan Melaka terhadap pedagang dari China dan sebahagian daripada mereka terus menetap di negeri ini. Bahkan dalam kalangan pembesar turut mendokong usaha ini, umpamanya menerusi perkahwinan Sultan Mansur Shah dengan seorang Puteri daripada negara China (Samuels 2015; Ibrahim Abu Bakar 2005).

Hasil pengalaman pada masa lalu dalam berinteraksi dengan penganut agama ternyata tidak sia-sia kerana masyarakat majmuk di Tanah Melayu berusaha mengekalkan tahap keharmonian meskipun mereka berhadapan dengan penjajah. Manakala implikasi daripada penjajahan British terhadap Tanah Melayu telah meningkatkan lagi tahap kepelbagaian masyarakat di negara ini, khususnya setelah kemasukan kaum Cina dan India (Mohamed Nawab 2017; Rozita Ibrahim 2007; Hooker 2003). Dalam tempoh jangka masa yang panjang, Malaysia akhirnya membangun sebagai sebuah negara yang kaya dengan bangsa, budaya dan agama. Dalam konteks semasa, suasana kepelbagaian ini dapat dilihat berdasarkan jumlah populasi penduduk, iaitu sebanyak 32 juta. Daripada jumlah tersebut, 28.7 juta warganegara terdiri daripada kumpulan etnik Bumiputera (68.8%), Cina (23.2%), India (7.0%) dan Lain-lain (1.0%) (Jabatan Perangkaan Kerajaan Malaysia 2017) (Rajah 1).

Manakala dari sudut populasi agama, Islam merupakan agama paling ramai dianuti dengan kadar 61.3 peratus, diikuti oleh agama Buddha (19.8%), Kristian (9.2%) dan Hindu (6.3%). Selebihnya, iaitu sebanyak 3.4 peratus adalah terdiri daripada kelompok minoriti daripada agama-agama tradisi (1.3%), lain-lain agama (0.4%), tidak beragama (0.7%) dan tidak diketahui (1.0%) (Jabatan Perangkaan Kerajaan Malaysia 2017) (Rajah 2).



RAJAH 1 Jumlah Peratusan Warganegara Malaysia  
Sumber: Jabatan Perangkaan Kerajaan Malaysia (2017)



RAJAH 2 Jumlah Peratusan Penganut Agama di Malaysia  
Sumber: Jabatan Perangkaan Kerajaan Malaysia (2017)

Perkembangan yang berlaku dalam masyarakat pluralistik secara tidak langsung telah memupuk kepada pembinaan hubungan yang baik antara penganut agama, khususnya apabila berlakunya interaksi dan dialog dalam kalangan masyarakat dalam kehidupan seharian. Dialog yang berlaku, sama ada kerana hidup berjiran atau kerana tujuan muamalat, seperti membeli barangan keperluan di kedai, saling menziarahi ketika majlis perayaan, pelaksanaan program gotong-royong, serta pelbagai bentuk program kemasyarakatan, menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat. Proses dialog yang berlangsung dalam masyarakat dilihat tidak memadai jika hanya bersifat perkongsian nilai-nilai kehidupan, ini kerana mereka perlu bersedia untuk menghadapi cabaran pada masa akan datang yang lebih besar.

Antara cabaran yang besar adalah bagaimana masyarakat daripada pelbagai agama itu dapat saling menyesuaikan diri dan menerima kepelbagaian yang wujud dengan seadanya. Lazimnya, kewujudan pelbagai etnik, agama dan budaya dalam kalangan masyarakat mengundang perbezaan dalam pemikiran, cara hidup dan ragam yang tertentu, selain daripada sikap merasa unggul serta prejudis terhadap pihak yang lain. Implikasi daripada kepelbagaian yang wujud mampu membawa kepada suatu konflik dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan penganut agama jika tidak urus dengan baik. Hal ini menurut Syed Husin Ali (2008) berikutan kewujudan parti politik yang berorientasikan perkauman melampau (cauvinis), kerap memainkan sentimen keagamaan dan budaya masyarakat semata-mata meraih sokongan. Umpamanya pada tahun 2006 masyarakat di Malaysia berhadapan dengan polemik seperti isu pertukaran agama, murtad, tuntutan ke atas mayat dan pemusnahan rumah ibadat. Belum sepenuhnya reda polemik yang berlaku, beberapa tahun berikutnya muncul pula isu demonstrasi kepala lembu dan kalimah Allah yang menimbulkan keresahan dan reaksi dalam kalangan penganut agama (Neo 2014; Azizan Baharuddin et al. 2014; Liow 2011; Utusan Malaysia 2009). Demikian juga tindakan provokator Tan Jye Yee atau lebih dikenali sebagai Alvin Tan yang mempersendakan ajaran Islam dengan mengucapkan ‘Selamat berbuka’ dengan hidangan *Bah Kut Teh* (Mohamed Nawab 2017; Utusan Malaysia 2013). Implikasi daripada pelbagai insiden tersebut telah menyentuh sentimen keagamaan sekali gus menjejaskan keharmonian masyarakat di negara ini.

Selain itu, perkembangan proses globalisasi juga memberikan cabaran yang cukup besar kepada masyarakat. Hal ini kerana mereka tidak lagi hanya menjalani kehidupan dalam sesebuah kelompok semata-mata. Akan tetapi turut terdedah dengan pelbagai maklumat dan isu dari serata tempat, umpamanya dalam satu kajian yang bertajuk ‘*Religious Tension and Tolerance in Malaysia: a Survey of Malaysian Newspaper Reports on Religious Tension Incidents from 2004-2007*’ (Abdul Salam Muhammad Shukri 2004), telah mengenal pasti beberapa konflik kesan daripada

penyebaran beberapa isu dalam masyarakat, umpamanya sistem pesanan ringkas (SMS) ratusan Muslim murtad, isu *Interfaith Commission* dan Krisis Artikel 11 serta isu kedudukan negara Malaysia sebagai negara sekular atau Islam. Manakala kajian yang dilakukan oleh Arfah Ab. Majid (2014) yang bertajuk *Inter-Religious Dialogue: A Threat to Aqidah or Platform of Da'wah?* mendapati isu Artikel 3(1) dan penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat awam mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan penganut agama, selain dari isu ekonomi (Arfah Ab. Majid 2013).

Senario ini digambarkan berdasarkan statistik Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) di negara ini yang mencatatkan kadar peningkatan sebanyak 19.9 kes persejuta penduduk pada tahun 2012, berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu 18.2 kes persejuta penduduk pada tahun 2011 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2012). Selain itu, kedudukan Malaysia dalam Global Peace Index (2013 & 2014) mengalami peningkatan kedudukan pada tangga ke 29 dan 33, daripada 150 buah negara yang lain. Kewujudan konflik dan ketegangan dalam kalangan masyarakat secara tidak langsung memberi gambaran bahawa gagasan sedia ada seperti Rukun Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Ekonomi Baru, Wawasan 2020, Islam Hadhari dan 1Malaysia masih belum memadai untuk menyelesaikan masalah ini dalam masyarakat. Justeru, semua pihak di peringkat kerajaan dan masyarakat berperanan mempertahankan keharmonian dalam pelbagai bentuk pendekatan, termasuklah melalui dialog antara agama. Kesinambungannya membawa kepada usaha daripada pihak NGO Islam untuk mempromosi dan membudayakan amalan dialog antara agama dalam kalangan masyarakat melalui bentuk pendekatan yang berbeza.

### **Sejarah Dialog Antara Agama di Malaysia**

Pengamalan dialog antara agama di Malaysia bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat, kerana kepulauan Melayu sejak dahulu menjadi tempat persinggahan para pedagang dari pelbagai bangsa dan negara. Antara tamadun terawal yang menjalin hubungan dengan Alam Melayu adalah India, iaitu sejak kurun ke-2 (Mohd Koharuddin Balwi 2004). Manakala pembukaan semenanjung Tanah Melayu pada awal kurun ke-15 bermula apabila Melaka telah dijadikan kawasan persinggahan kapal para pedagang (James H. Liu et al. 2002). Perkembangan yang berlaku dengan pesat telah menjadikan Melaka sebagai pusat utama dan implikasinya membawa kepada proses migrasi dan pengimportan tenaga buruh. Manakala pada pertengahan abad ke-15, Melaka pernah dikuasai oleh pelbagai pihak termasuklah China, Portugis, Belanda, British dan kembali kepada penaklukan Belanda pada akhir kurun ke-18 (James H. Liu et al. 2002; Hunt 2009).

Implikasi daripada kemasukan golongan imigran telah menyumbang kepada pembentukan masyarakat pluralistik, khususnya kalangan etnik Cina dan India di negara ini sekali gus menjadi pemangkin kepada dialog antara agama dalam tamadun Alam Melayu seawal abad ke-17 Masihi. Kepelbagaian ini juga membawa kepada proses pertembungan tamadun, budaya dan agama dari serata dunia termasuklah melalui aspek perdagangan, penyebaran dakwah mahupun penjajahan membentuk tradisi intelek dalam kalangan masyarakat (Ghazali Basri 2006). Ironinya, dialog antara agama berlangsung pada peringkat awal, implikasi daripada pertembungan bangsa (Azizan Baharuddin 2008), bersifat tidak formal, atau berkisar dengan persoalan umum dalam kehidupan. Dialog yang lebih tepat dinamakan sebagai Dialog Kehidupan, menjurus kepada perkongsian nilai kemasyarakatan dalam kalangan penganut pelbagai agama.

Amalan dialog yang melibatkan penganut agama bagaimanapun mula dijalankan pada abad ke-19, khususnya selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua (1945) oleh pertubuhan *Pure Life Society*. Pertubuhan ini diasaskan oleh Swami Satyananda dan pada tahun 1949. Pada peringkat awal penubuhan, ia lebih dikenali sebagai sebuah organisasi penerbitan yang mempromosikan kefahaman antara kaum dan agama menerusi aktiviti syarahan, forum, seminar antara agama di samping menjalankan aktiviti kebajikan yang menasarkankan golongan miskin, anak yatim di Singapura dan Malaysia (*Pure Life Society* t.th). Setelah didaftarkan secara rasmi pada 15 Julai 1950, *Pure Life Society* bagaimanapun lebih menumpukan kepada aktiviti kebajikan melalui penyediaan premis untuk pihak yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan. Justeru, amalan dialog pada fasa ini tidak memberikan impak yang besar dalam masyarakat, hal ini kerana kurangnya perhatian terhadap usaha untuk berdialog dalam kalangan masyarakat awam ketika itu.

Walaupun *Pure Life Society* dikatakan menjadi organisasi yang merintis amalan dialog antara agama ketika itu, namun tidak ada hitam putihnya berhubung sejauh mana implementasi dialog dalam masyarakat. Hal ini kerana keperluan dalam kalangan masyarakat untuk berdialog adalah kurang berbanding dengan usaha untuk membangunkan masyarakat dalam aspek kebajikan. Situasi 'hidup segan, mati tidak mahu' ini selaras dengan kenyataan Ghazali Basri (2006), bahawa pengalaman lalu bagi dialog antara agama di Malaysia tiada sesuatu yang signifikan. Tumpuan yang lebih diberikan *Pure Life Society* dalam soal kebajikan bagaimanapun mengalami perubahan pada tahun 1957 setelah menjadi badan berkanun dan seterusnya membuka keahlian kepada semua bangsa dan agama. Bagi memastikan persefahaman dan kerjasama dalam kalangan ahli pertubuhan berlangsung dengan baik, *Pure Life Society* telah menggerakkan sebuah lagi sayap kanan iaitu *Inter-faith Spiritual Fellowship* (INSaF) yang bertumpu sepenuhnya kepada usaha mempromosikan keharmonian melalui seminar, forum dan perkhidmatan. Agenda penubuhan *Inter-*

*faith Spiritual Fellowship* (INSaF) selaras dengan objektif utama penubuhan *Pure Life Society* iaitu untuk mempromosikan kajian dan amalan *dharma* dan yoga sebagai suatu doktrin oleh guru dunia yang hebat dan mengkaji perbandingan teologi dan falsafah dalam bentuk yang paling bijaksana. Peranan awal yang dimainkan oleh *Inter-Faith Spiritual Fellowship* (INSaF) dalam mempromosikan dialog antara agama di Malaysia pada penghujung tahun 1950-an dapat disoroti dalam disertasi keserjanaan Khairulnizam Mat Karim (2005) yang bertajuk *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia: Kajian Terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya*.

Kemerdekaan Malaysia yang dicapai pada tahun 1957, disusuli dengan pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 telah membentuk landskap politik, sosial, dan ekonomi baharu di negara ini. Pembentukan negara ini yang di dominasi oleh tiga etnik utama, iaitu Melayu, Cina dan India telah menimbulkan beberapa isu, khususnya melibatkan kepentingan setiap kaum seperti hak kaum bukan Melayu sebagai rakyat Malaysia. Kemuncak daripada beberapa isu yang tidak dapat diselesaikan telah mengakibatkan berlakunya konflik antara kaum, antaranya peristiwa 13 Mei 1969. Justeru, pihak kerajaan mula mengambil berat tentang isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat dengan menawarkan beberapa solusi termasuklah menggubal Rukun Negara (Devadas 2009), Akta Bahasa Kebangsaan 1967, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Negara (Horowitz 1989; Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled 2008). Pada peringkat awal penubuhan Malaysia, amalan dialog antara agama pasca kemerdekaan belum menjadi keutamaan dalam kalangan masyarakat berikutan penyelesaian masalah dalam masyarakat adalah lebih kepada pembinaan polisi baharu oleh pihak Kerajaan. Usaha untuk membina kerjasama antara penganut agama tidak memperlihatkan sambutan yang menggalakkan walaupun tertubuhnya *Malaysian Inter-Religious Organisation* (MIRO) pada 1963 yang tergendala operasinya akibat peristiwa 13 Mei 1969 (Arfah Ab. Majid 2013) dan dijenamakan semula pada tahun 1986 dengan nama *Inter-faith Spiritual Fellowship* (INSaF) (Wan Sabri Wan Yusof & Arfah Ab Majid 2013).

Tercetusnya peristiwa berdarah tahun 1969 yang melibatkan antara kaum akhirnya menyedarkan masyarakat untuk membina persefahaman dan perpaduan bagi memastikan keharmonian terus dicapai. Maka, atas dasar ini akhirnya mendorong kepada penubuhan *Bishop's Institute of Interreligious Affairs* (BIRA) pada 1969 sebagai sebuah entiti rasmi untuk mengendalikan aktiviti dialog. *Bishop's Institute of Interreligious Affairs* (BIRA) pada 1977 telah menjalinkan hubungan dengan NGO ALIRAN yang dipimpin oleh Dr. Chandra Muzaffar dalam memperjuangkan isu hak kemanusiaan dan kesejagatan. Walau bagaimanapun, amalan dialog yang dilaksanakan bersifat eksklusif, iaitu terhad kepada ahli NGO. Menjelang tahun



1970, amalan dialog mula diberi perhatian khususnya setelah berlakunya fenomena kebangkitan kumpulan Islam dalam Negara.

Menurut Mehmet (1990) dan Lee (2010), fenomena yang kebangkitan Islam bertitik tolak daripada respon masyarakat terhadap isu urbanisasi pada tahun 1970 termasuklah membawa kepada penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Ironinya, asas kepada agenda islamisasi telah bermula lebih awal iaitu sejak penubuhan kumpulan Hizbul Muslimin yang melawan penjajah British (Liow 2009). Berakar daripada agenda yang telah bertapak dalam minda sebahagian masyarakat, agenda Islamisasi diperkukuhkan lagi dengan penglibatan kumpulan pelajar Islam dari kampus tempatan (Badlihisam Mohd Nasir 2003) serta pelajar lepasan Timur Tengah (Liow 2009). Pelajar yang terlibat kebanyakannya daripada latar belakang pengajian dari Timur Tengah dan terpengaruh dengan ideologi islamisme gerakan Ikhwan Muslimin di Mesir (Lee 2010) dan Jama'at Islam di Pakistan (Badlihisam Mohd Nasir 2003). Bahkan menurut Badlihisam Mohd Nasir (2003) idealisme Ikhwan Muslimin mula dibawa masuk ke dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) oleh Profesor Zulkifli Muhammad (1927-1964) ketika beliau memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada tahun 1956.

Selaras dengan dasar Islam yang diperjuangkan, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bergerak untuk membina sebuah masyarakat yang hidup dengan nilai Islam serta pemerintah yang melaksanakan hukum Islam (Hamdan Muhammad 2013). Pendekatan yang digunakan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) adalah dengan terlibat secara proaktif dalam medan politik bagi merealisasikan agenda parti. Pada pandangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), agenda Islam yang sedia wujud dalam dasar kerajaan belum memadai kerana pihak parti yang memerintah iaitu Barisan Nasional masih mengekalkan sistem sekular dalam aspek pemerintahan (Hamdan Muhammad 2013). Penerapan nilai Islam yang terkandung dalam polisi pentadbiran, menurut Parti Islam Se-Malaysia (PAS) tidak lebih sekadar daripada 'kosmetik' dalam meraih sokongan politik (Liow 2012; Hamdan Muhammad 2013; Muller 2013). Justeru, dasar sekular dan nasionalisme yang diterajui oleh UMNO dan Barisan Nasional ditentang oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Liow 2011).

Selain itu, kebangkitan Revolusi Islam Iran turut memberi impak dalam mengaspirasikan kebangkitan Islam di negara ini. Kalangan sarjana seperti Lee (2010) dan Mehmet (1990) mengakui bahawa kebangkitan revolusi Islam Iran yang diterajui oleh Imam Khomeini menjadi model yang baik bagi mendirikan negara Islam selain daripada faktor pembangunan urbanisasi yang mencetuskan kebangkitan gerakan Islam. Kesenambungannya membawa kepada perkembangan gerakan dakwah dan sukarelawan untuk memenangi hati sasaran dakwah. Idealisme islamisasi melalui gerakan dakwah turut dipromosikan pertubuhan Islam lain seperti

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) (Badlihisam 2003), *Islamic Representative Council* (IRC), Jamaat Tabligh dan Darul Arqam (Abdul Fauzi Abdul Hamid 2000). Bagi mendepani gelombang kebangkitan Islam yang berlaku, Perdana Menteri ke-4 iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan dasar Islamisasi dalam beberapa polisi pentadbiran (Liow 2011; Barr & Govindasamy 2010; Hussin Mutalib 2010) seperti pendidikan, ekonomi dan undang-undang. Antara usaha yang dijalankan termasuklah dengan menubuhkan Universiti Islam, sistem kewangan dan perbankan Islam, insurans berasaskan Islam (Mohd. Azhar Abd Hamid et al. 2013).

Implikasi daripada gelombang Islamisasi dalam negara memangkinkan lagi pertumbuhan aktiviti dakwah kepada golongan non-Muslim, seterusnya mengundang reaksi negatif dalam kalangan mereka (Lee 2010; Yousif 2004; Barr & Govindasamy 2010). Menurut Yousif (2004) dalam artikelnya '*Islamic Revivalism in Malaysia: An Islamic Response to Non-Muslim Concerns*', implikasi daripada gelombang Islamisasi dapat dilihat menerusi tiga senario: pertama, agama dijadikan komponen utama yang diasosiasikan kepada etnik; kedua, pihak kerajaan Malaysia menegaskan perlembagaan masih menjaga hak kebebasan beragama di Malaysia kepada bukan Islam; ketiga, garis panduan terhadap agama masyarakat dengan identiti keagamaannya untuk saling hormat menghormati dan memelihara batasannya.

Mendepani gelombang Islamisasi ini, masyarakat non-Muslim menubuhkan sebuah platform *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism* (MCCBCHST) pada tahun 1983 dan *Christian Federation of Malaysia* (CFM) (Mohd Fauzi Othman et al. 2006). Isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan non-Muslim adalah; 1) pengharaman penggunaan Injil dalam bahasa Melayu-Indonesia; 2) menghalang pengimportan literatur Kristian dalam Bahasa Melayu oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 1984) 3) mengenakan peraturan baharu terhadap pembinaan gereja, masjid dan surau; 4) pengajaran pelajaran agama selain Islam di sekolah diharamkan pada sesi persekolahan dan 5) saranan Kementerian Pendidikan kepada Pengajaran Moral berteraskan nilai-nilai Islam dan pengenalan Islam kepada semua pelajar. Selain itu, isu yang berbangkit adalah status Malaysia sebagai negara Islam, kebebasan beragama, nilai-nilai sejagat, kuasa politik orang Melayu, kuasa mahkamah Syariah dan polarisasi masyarakat bukan Islam (Abdull Rahman Mahmood et al. 2009; Hunt 2009).

Antara inisiatif terawal yang diambil oleh *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism* (MCCBCHST) adalah dengan penganjuran persidangan antara agama yang pertama pada tahun 1984. Persidangan

ini meletakkan dua objektif: Pertama, untuk mempromosikan dialog dengan semua penganut agama untuk saling membina dan menerokai perbezaan tradisi dan isu kontroversi. Kedua, untuk mewakili kecenderungan non-Muslim kepada pihak kerajaan dan pihak berkuasa negara terhadap isu non-Muslim (Mohd Fauzi Othman et al. 2006). Persidangan yang bertemakan *The Role of Religion in Nation Building* (Khairulnizam Mat Karim 2005) ini dapat disifatkan sebagai amalan dialog antara agama secara formal yang pertama dilaksanakan di negara ini.

Inisiatif yang dilakukan oleh kumpulan non-Muslim dalam memberi maklum balas kepada pelbagai isu dalam negara akhirnya telah memanggil pertubuhan NGO Islam untuk tampil memberikan reaksi balas. Antaranya termasuklah melalui penubuhan *Islamic Outreach ABIM Centre* (IOA) pada tahun 1987 oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Penubuhan *Islamic Outreach ABIM Centre* (IOA) pada dasarnya adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej dakwah tentang pesanan agama Islam dan menghayati Islam sebagai panduan dan cara hidup khususnya kepada golongan Muslim dan bukan Muslim dalam dan luar negara (*Islamic Outreach ABIM Centre t.th*).

Menurut Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2010), *Islamic Outreach ABIM Centre* (IOA Centre) lebih mensasarkan golongan bukan Islam dan mualaf untuk menyampaikan ajaran Islam. Walaupun penubuhan *Islamic Outreach ABIM Centre* (IOA Centre) dilihat sebagai wadah baharu dalam menjalinkan hubungan dan interaksi dengan penganut agama lain, tumpuan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) masih kepada dasar utama pertubuhan iaitu dakwah dan mengislamisasikan masyarakat. Hal ini signifikan dengan bentuk pendekatan *Islamic Outreach ABIM* (IOA) seperti dalam program *Mosque Tour Guide* (MTG), yang berbentuk umum. Adapun amalan dialog antara agama dilihat lebih dominan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di peringkat nasional, sementara di peringkat negeri diserahkan kepada *Islamic Outreach ABIM Centre* (*Islamic Outreach ABIM Centre t.th*).

Menjelang tahun 1990, pembudayaan dialog antara agama lebih giat dilakukan melalui kewujudan beberapa pertubuhan NGO seperti *Interfaith Spiritual Friendship* (INSaF), *International Movement for a Just World* (JUST) dan *Malaysian Interfaith Network* (MIN) (Yusri Mohammad Ramli 2008). Pengamalan dialog antara agama dalam kalangan pertubuhan NGO seterusnya telah menggerakkan usaha untuk memapankan lagi kualiti dialog menerusi penglibatan para ahli akademik dari IPTA, antaranya tertubuhnya Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya pada tahun 1995 (Ghazali Basri 2008). Pusat Dialog Peradaban mempelopori kajian dialog dalam bentuk akademik selain dari penganjuran program dialog dalam bentuk formal, sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain badan NGO, usaha untuk berdialog turut disahut pihak kerajaan antaranya menerusi penubuhan Institut

Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun 1992 walau pada dasarnya untuk mendepani isu ancaman daripada ajaran sesat dalam kalangan umat Islam, kemudiannya meluaskan peranannya dengan mula terlibat dalam dialog antara agama. Menekankan kepada kefahaman Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menggunakan beberapa bentuk pendekatan seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, konsultan, latihan dan penerbitan dalam mendepani isu masyarakat termasuklah hubungan antara agama. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menggunakan dua bentuk model dialog iaitu pembinaan komuniti dan pendidikan dialog kritikal (Arfah Ab. Majid 2014).

Menjelang abad ke-20 iaitu pada tahun 2002, *Malaysian Interfaith Network* (MIN) ditubuhkan bagi memberi reaksi dan menyelaraskan NGO-NGO dialog lain seperti *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism* (MCCBCHST) dan *Interfaith Spiritual Friendship* (INSaF). Menekankan kepada pembinaan masyarakat harmoni antara kaum dan penganut agama di negara ini, *Malaysian Interfaith Network* (MIN) memainkan peranan sebagai platform dalam menghubungkan lebih daripada 20 NGO lain yang menyertainya (Khairulnizam Mat Karim 2005). Seterusnya pada tahun 2003, amalan dialog antara agama dilangsungkan menerusi *Interfaith Religious Conference (IRF) on Peace* di Johor Baharu, yang menampilkan NGO seperti *Inter Religious Committee on Peace* (IRC), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor, dan *International Movement for Just World* (JUST) (Mohd Fauzi Othman et al. 2006).

Kewujudan pertumbuhan beberapa badan dialog antara agama dalam kalangan non-Muslim bagaimanapun mengundang reaksi negatif beberapa pihak. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Yeoh Seng Guan (2005) yang bertajuk '*Managing Sensitivities: Religious Pluralism, Civil Society and Inter-faith Relations in Malaysia*' bahawa berlakunya penentangan terhadap pembentukan badan kebangsaan gabungan antara agama atau Inter-Faith Commission (IFC). Cadangan penubuhan badan ini pada tahun 2005 oleh Malaysian Bar Council ditolak mentah-mentah oleh gabungan NGO Islam atau *Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs* (ACCIN) yang ditubuhkan pada 2001 kerana dianggap mengancam kedudukan agama Islam di Malaysia dan memperjuangkan hak untuk murtad. Pertubuhan *Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs* (ACCIN) sebelum itu telah bertindak memboikot persidangan yang dianjurkan Malaysian Bar Council dan pada yang sama ACCIN menghantar memorandum kepada Suhakam dengan mendakwa badan NGO *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) bersifat anti-Islam.

Selain daripada NGO Islam, pembentukan badan *Inter-Faith Commission* (IFC) juga ditentang keras oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) atas dakwaan yang sama

(Yeoh Seng Guan 2005; Hunt 2009; Hamdan Muhammad 2013). Penentangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terhadap penubuhan *Inter-Faith Commission* (IFC) bagaimanapun, bukanlah disebabkan sikap ketidakterbukaan terhadap agenda dialog antara agama, akan tetapi disebabkan agenda pertubuhan tersebut yang mendokong agenda yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti dokongan untuk umat Islam murtad. Sikap yang sama diekspresikan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terhadap *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (2007) yang turut mempertahankan hak untuk penganut agama Islam untuk murtad (contohnya kes Lina Joy). Buktinya, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), meskipun di peringkat awal memperlihatkan ketidaksediaan dengan agenda dialog, mula menunjukkan sikap positif kepada program dialog antara agama, khususnya dalam menyampaikan kefahaman Islam kepada bukan Islam sebagai respons kepada isu kalimah Allah pada tahun 2008 (Liow 2011).

## PERBINCANGAN

Amalan dialog antara agama dalam konteks sejarah tidak asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan ia dapat dibahagikan kepada tiga fasa. Pada fasa pertama, amalan dialog yang berlangsung selari dengan perkembangan Tamadun Melayu berjaya menghubungkan masyarakat daripada pelbagai agama dan budaya. Amalan dialog yang berbentuk Dialog Kehidupan berlangsung menerusi interaksi dalam urusan jual beli, perdagangan, pekerjaan bahkan termasuk perkahwinan. Meskipun dialog tidak membincangkan isu agama secara khusus, percampuran kehidupan seharian tentunya turut disentuh secara tidak langsung, umpamanya dalam memahami kepercayaan penganut agama lain. Suasana harmoni ini terus berlangsung sehinggalah kejatuhan tamadun Melayu dengan penaklukan penjajah Portugis ke terhadap Melaka. Portugis yang membawa bersama-sama mereka agenda Kristianisasi menggalakkan perkahwinan campur dengan masyarakat tempatan. Hasil daripada perkahwinan ini melahirkan masyarakat Serani atau Kristang yang majoritinya menganut agama Kristian. Walau bagaimanapun, komuniti ini hidup dalam lingkungan mereka sahaja, khususnya di Melaka dan di Pulau Pinang (Stefanie Pillai et al. 2014; Razaleigh Muhamat Kawangit 2014; Fernandis 2000).

Berakhirnya penjajahan Portugis, Tanah Melayu kemudiannya dikuasai oleh British dan Jepun. Ketika ini, tiadanya rekod kelangsungan amalan dialog berikutan kehidupan masyarakat yang terhimpit dengan kesulitan untuk terus hidup, bahkan ketika zaman Jepun wujud konflik di antara masyarakat Melayu dan Cina, berikutan sebahagian orang Melayu yang dilantik British sebagai pegawai mereka dianggap tali baru. Setelah kejatuhan Jepun, British kembali mengambil alih Tanah Melayu dengan meneruskan dasar segregasi antara etnik Melayu, Cina dan India. Dalam konteks penganut agama, tidak dinafikan perkembangannya bertitik tolak daripada

kemasukan golongan imigran negara China yang terdiri daripada penganut Buddha dan agama-agama tradisi China, serta India yang terdiri daripada penganut Hindu, selain penganut agama Sikh. Bahkan wujud kalangan masyarakat Cina dan India yang menganut agama Kristian. Justeru, dalam meneruskan agenda penjajahan, pihak British memisahkan ketiga-tiga kelompok masyarakat tersebut.

Dalam aspek ekonomi, masyarakat Melayu mendominasi sektor pertanian dan perikanan, masyarakat Cina dalam sektor perniagaan, manakala masyarakat India dalam sektor perladangan (Mohamed Nawab 2017), dan akhirnya menjadi barah dalam masyarakat yang mahu mempertahankan identiti etnik berteraskan semangat nasionalisme (Wan Norhasniah Wan Husin 2012). Ketidakeimbangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat akhirnya mencetuskan peristiwa 13 Mei yang mengorbankan ratusan nyawa. Menginsafi konflik yang berlaku, pihak kerajaan telah merangka beberapa polisi dan dasar, antaranya Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) (Zakaria Haji Ahmad & Suzaina Kadir 2005) yang seterusnya membawa kepada idea penubuhan dua agensi, iaitu Jabatan Perpaduan Negara (JPN) dan Majlis Muhibbah Negara (MMN), dalam membina kembali hubungan serta perpaduan dalam masyarakat. Meskipun kedua platform ini berfungsi untuk melaksanakan gagasan Rukun Negara, agenda dialog antara agama bukanlah menjadi keperluan ketika itu kerana isu yang berlaku lebih menjurus kepada orientasi etnik berbanding agama.

Walau bagaimanapun, wujud masyarakat yang sedar akan kepentingannya untuk mereka saling berinteraksi dalam membangunkan negara. Maka beritik tolak daripada ini, tertubuhnya *Pure Life Society* yang menekankan kepada pendekatan kebajikan masyarakat setempat (*Pure Life Society t.th.; The Buddhist Missionary Society 1969*). Pertubuhan ini menyantuni masyarakat yang miskin tanpa mengira latar belakang agama untuk dibantu, disusuli dengan penubuhan Malaysian *Inter-Religious Organisation (MIRO)* yang kemudiannya dijenamakan semula (rebranding) sebagai *Inter-faith Spiritual Fellowship (INSaF)* (Wan Sabri Wan Yusof & Arfah Ab Majid 2013).

Manakala pada fasa kedua, pasca kemerdekaan dan pembentukan Malaysia, inisiatif untuk memperkasakan amalan dialog masih menjadi perhatian sebahagian pihak, umpamanya penganut Kristian mewujudkan platform khas *Bishop's Institute of Interreligious Affairs (BIRA)*, manakala Chandra Muzaffar membentuk ALIRAN dan kedua-dua entiti ini berperanan dalam membudayakan amalan dialog, namun bersifat eksklusif kepada NGO sahaja. Dari sudut tema, tumpuan diberikan kepada isu kemanusiaan dan kesejagatan yang dilihat mampu menghubungkan penganut agama, berbanding isu teologi. Adalah diakui, kebanyakan pertubuhan tersebut

diterajui oleh bukan Islam. Hal ini berdasarkan pengamalannya dalam konteks formal yang menjurus kepada perbincangan pelbagai isu agama dalam kalangan wakil penganut agama tidak berlaku. Justeru kalangan sarjana menganggap amalan dialog yang diasaskan sejak tahun 1950 adalah kurang signifikan (Wan Sabri Wan Yusof & Arfah Ab Majid 2013), sehinggalah kebangkitan gerakan Islam dan fenomena Islamisasi dalam negara pada tahun 1982 yang mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan penganut agama. Menurut Wan Sabri Wan Yusof dan Arfah Ab Majid (2013), trend dialog antara agama yang dipelopori oleh pertubuhan bukan Islam kerana mereka berasa terancam dengan gelombang Islamisasi, justeru mahu memperjuangkan hak mereka.

Justeru pada fasa ketiga, amalan dialog semakin mendapat perhatian khususnya dalam kalangan bukan Islam sebagai respons kepada kebangkitan gerakan Islam dan penerapan nilai Islam dalam masyarakat. Hal ini kerana bukan Islam merasa terancam dengan fenomena Islamisasi yang mendapat sambutan yang baik kalangan masyarakat Melayu Islam. Realiti ini dapat dilihat menerusi aspek pemakaian wanita daripada tidak bertudung dan berpakaian singkat kepada bertudung dan memakai pakaian yang lebih sopan, di premis kerajaan mula disediakan ruang khas untuk pekerja Muslim menunaikan solat, pengasingan tempat duduk lelaki dan wanita dalam program rasmi dan seumpamanya. Keadaan ini walau bagaimanapun mengundang rasa kurang senang dalam kalangan bukan Islam yang merupakan minoriti dalam negara. Maka dalam menangani hal tersebut, mereka membentuk pertubuhan *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism* (MCCBCHST) pada tahun 1983, *International Movement for a Just World* (JUST), *Christian Federation of Malaysia* (CFM) dan kemudian bernaung di bawah *Malaysian Interfaith Network* (MIN) sebagai platform menyatakan suara mereka.

Permulaannya menerusi penganjuran sebuah persidangan pada tahun 1984 yang bertemakan 'Peranan Agama' sebagai suatu reaksi kurang senang penganut bukan Islam terhadap fenomena tersebut. Persidangan ini turut mengundang wakil pihak kerajaan untuk memberi penjelasan terhadap penerapan nilai Islam dalam sektor kerajaan bagi mengurangkan kekhawatiran dalam kalangan mereka. Kesenambungannya pada tahun 1989, sebuah seminar yang bertemakan 'Agama Dunia dan Hak Asasi' yang dihadiri oleh pemimpin agama dari dalam dan luar negara bertujuan untuk memberi maklum balas terhadap isu Islamisasi (Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Saili 2011). Isu lain yang menjadi perhatian ketika ini antaranya adalah negara Islam, hudud, dan hak kebebasan beragama. Implikasi daripada inisiatif yang dimainkan oleh bukan Islam secara tidak langsung mendapat perhatian ilmuwan Islam melalui penubuhan Pusat Peradaban pada tahun 1995 yang bermatlamatkan membina persefahaman dalam dialog antara agama (Wan Sabri Wan Yusof & Arfah

Ab Majid 2013; Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali 2011), di samping pertubuhan *Islamic Outreach ABIM Centre* (bernaung di bawah Angkatan Belia Islam Malaysia) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Meskipun wujud perbezaan pandangan dan cabaran tertentu dalam berdialog, amalan tersebut terus mendapat sokongan daripada kedua-dua pihak dalam membina persefahaman dan sikap keterbukaan. Penglibatan tidak terhad kepada masyarakat awam, bahkan para ilmuwan dan agamawan turut memberikan respons yang positif. Di pihak kerajaan sendiri, turut menzahirkan sokongan penuh dengan menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagai platform yang lebih efektif. Sehingga kini, amalan dialog semakin mendapat tempat dalam masyarakat tanpa mengira pihak yang menganjurkannya. Amalan dialog yang berlaku dalam bentuk formal dan tidak formal menekankan persefahaman dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Perlaksanaan dialog antara agama juga bukan sahaja melibatkan pihak NGO, bahkan turut mendorong pihak ilmuwan untuk turut terlibat dalam membudayakan amalan dialog secara efektif dalam kalangan masyarakat.

## KESIMPULAN

Pengalaman Malaysia dalam dialog antara agama memupuk sikap toleransi dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, budaya dan agama. Bahkan amalan dialog telah digagaskan oleh para leluhur seawal pembentukan tamadun Alam Melayu dengan harmoni dalam pelbagai bentuk. Meskipun kelompok Melayu-Islam dominan dalam masyarakat, ia tidak menjadi halangan untuk saling berinteraksi dengan kelompok agama lain seperti Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh. Meskipun kewujudan penjajah di negara ini mengubah landskap sosial masyarakat, ruang sosial tersebut terus dimanfaatkan oleh masyarakat untuk saling mengenali dan menghormati antara kepercayaan dan budaya, pada masa sama mengekalkan prinsip agama masing-masing. Pendekatannya adalah melalui amalan dialog sama ada secara formal atau tidak formal. Ironinya, pengamalan dialog antara agama secara formal dalam sorotan sejarah kebanyakannya tercetus daripada pelbagai isu yang timbul dalam masyarakat, khususnya antara penganut agama. Tidak dinafikan kelaziman dialog tidak formal, amalan dialog yang bersifat formal seharusnya dibudayakan dalam kalangan masyarakat, bukan menunggu wujudnya isu untuk dibincangkan langkah penyelesaian. Hal ini adalah supaya masyarakat sentiasa peka dan berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman terhadap penganut agama; waima dalam aspek kepercayaan atau ritual. Oleh itu, sebarang unsur provokasi dapat ditangani dan tiada pihak boleh mengambil kesempatan untuk mencetuskan perpecahan dalam kalangan masyarakat dengan menyalahkan sesebuah agama.



## PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada dapatan dalam tesis Sarjana Peradaban Islam, Institut Islam Hadhari, UKM oleh Ahmad Faizuddin Ramli. *Dialog Antara Agama: Kefahaman dan Amalan Ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)*.

## RUJUKAN

- Abdul Fauzi Abdul Hamid. 2000. Political dimensions of religious conflict in Malaysia: State response to an Islamic movement. *Indonesia and the Malay World* 28(80): 32-65.
- Abdul Salam Muhammad Shukri. 2004. Religious tension and tolerance in Malaysia: A survey of Malaysian newspaper reports on religious tension incidents from 2004-2007. *IKIM Journal of Islam and International Affairs* 1 (3): 19-43.
- Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Fuadzinaim. 2009. Penerimaan bukan Islam terhadap proses islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 2: 33-51.
- Ahmad Faizuddin Ramli. 2015. Dialog antara agama: Kefahaman dan amalan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). Tesis Sarjana Peradaban Islam, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2010. Preaching and humanity: A special reference to the Indian community in Malaysia. *Tawarikh: International Journal for Historical Studies* 1(2): 201-210.
- Arfah Ab. Majid. 2013. Inter-religious dialogue in Malaysia and prejudice reduction: a preliminary survey. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research*: hlm. 706-717.
- Arfah Ab. Majid. 2014. Inter-Religious dialogue: a threat to aqidah or platform of da'wah? Dlm. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, di sunting oleh Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Bangi: Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM.
- Azizan Baharuddin. 2008. Peranan dialog peradaban di dalam wacana tamadun Malaysia. *Jurnal Peradaban-Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban* 1: 25-41.

- Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Jayum Anak Jawan, Sarjit Singh Darshan Singh, Nurdeng Deuraseh, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Adlina Abd. Halim, Arfah Ab. Majid, Daud Awang, Mohd Sani Badron, Mohd Zaidi Ismail, Mohd Farid Mohd Shahrhan, Wan Azhar Wan Ahmad, Enizahura Abdul Aziz, Abd Hakim Mohad, Fatahyah Yahya, Nur Ayuni Mohd Isa, Soffizzan Abdul Rahman, Ahmad Adib Akhyar Aminarrashid. 2014. *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Semenanjung Malaysia*. Laporan Penyelidikan. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Badlihasham Mohd Nasir. 2003. *Da'wah and the Malaysian Islamic Movement*. Semeniyh: Synergymate Sdn. Bhd.
- Barr, Michael D. & Govindasamy, Anantha Raman. 2010. The Islamisation of Malaysia: Religious nationalism in the service of ethnonationalism. *Australian Journal of International Affairs* 64 (3): 293-311.
- Devadas, Vijay. 2009. Makkal Sakthi: The Hindraf effect, race and postcolonial democracy in Malaysia. Dlm. *Race and Multiculturalism in Malaysia and Singapore*, di sunting oleh Danial P.S. Goh, Matilda Gabrielpillai, Philip Holden & Gaik Cheng Khoo. Oxon: Routledge Taylor & Francis Group.
- Fernandis, Gerard. 2000. Papia, Relijang e Tradisang: The Portuguese Eurasians in Malaysia: Bumiquest, A Search for Self Identity. *Lusotopie*: 261-268
- Ghazali Basri. 2006. Islam pelopor dialog antara agama. *Jurnal Madaniyat* 4 (2): 9-10.
- Ghazali Basri. 2008. Dialog antara agama: Peranan Islam dalam keharmonian beragama. *Jurnal Kajian Ketamadunan* 5 (2): 1-30.
- Hamdan Muhammad. 2013. *PAS & Isu-isu Agama*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Horowitz, Donald L. 1989. Cause and consequence in public policy theory: Ethnic policy and system transformation in Malaysia. *Policy Sciences* 22 (3-4): 249-87.
- Hooker, V. M. 2003. *A Short History of Malaysia: Linking East and West*. Terj. M. Osborne. Australia: Allen & Unwin.
- Hunt, R. 2009. Can Muslims engage in interreligious dialogue? *The Muslim World* 99: 581-607.

- Hussin Mutalib. 2010. Religious diversity and pluralism in Southeast Asia Islam: The Experience of Malaysia and Singapore. Dlm. *Religious Pluralism in Democratic Societies: Challenges and Prospects for Southeast Asia, Europe, and the United States in the New Millenium*, di sunting oleh Nathan, K.S. Singapore: Konrad-Adenauer-Stiftung.
- Ibrahim Abu Bakar. 2005. Malaysian perceptions of China. *Historia Actual Online* 7(June): 93-105.
- Islamic Outreach ABIM Centre. t.th. Mengenai kami. <http://www.ioacentre.com/index.php/2014-03-14-04-13-07/mengenai-kami> [9 Januari 2015].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Anggaran Penduduk Semasa 2017*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. 2012. Indeks ketegangan masyarakat (IKM). [http://www.jpnn.gov.my/web/guest/data\\_2008\\_2012](http://www.jpnn.gov.my/web/guest/data_2008_2012). [14 April 2013].
- James H. Liu, B. L., Colleen Ward & Sheela Abraham. 2002. Social representations of history in Malaysia and Singapore: On the relationship between national and ethnic identity. *Asian Journal of Social Psychology* 5: 3-20.
- Khairulnizam Mat Karim. 2005. Realiti aplikasi dialog antara agama di Malaysia: Kajian terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya. Disertasi Sarjana Usuluddin dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Saili. 2011. Beginning of interfaith dialogue in Malaysia (1980-1990): Context and Practice. *Al-Basirah* 1(1): 173-188.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin* (27): 81-92.
- Lawrence, Bruce B. 1999. The eastward journey of Muslim kingship Islam In South and Southeast Asia. Dlm. *The Oxford History of Islam*, di sunting oleh Esposito, John L. Oxford: Oxford University Press.

- Lee, Julian C.H. 2010. *Islamization and Activism in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Liow, J. C. 2009. *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Liow, J.C. 2011. Islamist ambitions, political change and the price of power: Recent success and challenges for the Pan-Malaysian Islamic Party, PAS. *Journal of Islamic Studies* 22(3): 374-403.
- Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism. 2007. *Unity threatened by continuing infringements of religious freedom: Note of protest by the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism (MCCBCHST)*. Kuala Lumpur: Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism.
- Mehmet, O. 1990. *Islamic Identity and Development: Studies of the Islamic Periphery*. London: Routledge.
- Mohamed Nawab Mohamed Osman. 2017. Understanding Islamophobia in Asia: The cases of Myanmar and Malaysia. *Islamophobia Studies Journal* 4(1): 17-36.
- Mohd Fauzi Othman, Shafudin Mohd. Yatim & Azmi Shah Suratman. 2006. Dialog antara agama: Kajian kes Interfaith Religious Conference (IRF) on Peace, Johor Bahru. Kertas kerja seminar Islam dan hubungan antara agama di Malaysia peringkat kebangsaan. Vol.1 & 2. Anjuran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 18-19 Januari.
- Mohd Koharuddin Balwi. 2004. Tamadun Melayu. Dlm. *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China dan Jepun*, di sunting oleh Esa Khalid & Mohd. Azhar Abd. Hamid. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Azhar Abd Hamid, Rosman Md. Yusuff, Muhammed Fauzi Othman & Mohd Koharuddin Balwi. 2013. Perspektif orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 60: 11-13.
- Muller, D. 2013. Post Islamism or Pop Islamism? Ethnographic observations of Muslim youth politics in Malaysia. *Paideuma* 59 (13): 261-284.
- Neo, Jaclyn L. 2014. What's in a name? Malaysia's "Allah" controversy and the judicial intertwining of Islam with ethnic identity. *International Journal of Constitutional Law* 12(3): 751-768.

- Pure Life Society. t.th. History of pure life society. <http://www.purelifesociety.org.My/aboutus-history.html> [24 Januari 2015].
- Razaleigh Muhamat Kawangit. 2014. Social integration of Kristang people in Malaysia. *Global Journal of Human-Social Science: C Sociology & Culture* 14 (1): 44-55.
- Rozita Ibrahim. 2007. Multiculturalism and education in Malaysia. *Culture and Religion* 8 (2): 155-167.
- Samuels, J. 2017. Contemporary Buddhism in Malaysia. *The Oxford Handbook of Contemporary Buddhism*, hlm. 259-273. London: Oxford University Press.
- Stefanie Pillai, Wen-YiSoh & Angela S. Kajita. 2014. Family language policy and heritage language maintenance of Malacca Portuguese Creole. *Language & Communication* 37: 75-85.
- Syed Husin Ali. 2008. *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony & Conflict*. Strategic Information and Research Development Centre: Petaling Jaya.
- The Institute for Economics and Peace. 2013. Global Peace Index (GPI) 2013. *Institute for Economics and Peace*. Sydney: The Institute for Economics and Peace.
- The Institute for Economics and Peace. 2014. Global Peace Index (GPI) 2014. *Institute for Economics and Peace*. Sydney: The Institute for Economics and Peace.
- The Buddhist Missionary Society. 1969. Voice of Buddhism. *The Buddhist Missionary Society* 6(2-3): 1-52.
- Utusan Malaysia. 2009. Demontrasi kepala lembu. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0910&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0910&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_01.htm) [2 April 2012].
- Utusan Malaysia. 2010. PM kutuk serangan gereja. [http://www.utusan.com.My/utusan/info.asp?y=2010&dt=0109&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_03.htm](http://www.utusan.com.My/utusan/info.asp?y=2010&dt=0109&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm) [2 April 2012].
- Utusan Malaysia. 2013. Alvin, Vivian persenda umat Islam dalam bulan Ramadan. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130713/dn\\_12/Alvin-Vivian-persenda-umat-Islam-dalam-bulan-Ramadan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130713/dn_12/Alvin-Vivian-persenda-umat-Islam-dalam-bulan-Ramadan) [23 November 2015].

- Wan Sabri Wan Yusof dan Arfah Ab Majid. 2013. Inter-religious dialogue in Malaysia: Past experience, present scenario and future challenges. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)* 3(2): 45-52.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2012. *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yeoh Seng Guan. 2005. Managing sensitivities: Religious pluralism, civil society and inter-faith relations in Malaysia. *The Round Table* 94 (382): 629-640.
- Yousif, A. F. 2004. Islamic revivalism in Malaysia: An Islamic response to non-Muslim concerns. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 21 (4): 30-56.
- Yusri Mohammad Ramli. 2008. Dialog antara agama di Malaysia: Perkembangannya dalam separuh abad selepas merdeka. Dlm. *Islam Pasca Kemerdekaan*, di sunting oleh Mazlan Ibrahim, Indriaty Ismail & Kamarudin Salleh. Shah Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zakaria Haji Ahmad & Suzaina Kadir. 2005. Ethnic Conflict, Prevention and Management: The Malaysian Case. Dlm. *Ethnic Conflicts in Southeast Asia*, di sunting oleh Snitwongse, K. & Thompson, W. S. Singapore: ISEAS Publications.